

# Pas Perlis semakin lumpuh 500 ahli keluar parti

UM 27 JAN 2003

KANGAR 26 Jan. — Pas Perlis semakin lumpuh apabila 10 cawangan di tiga bahagian di negeri itu terpaksa dibubarkan berikutan lebih 500 ahlinya mengisytiharkan keluar parti dan menyertai UMNO sejak akhir-akhir ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, penutupan cawangan-cawangan tersebut sekali gus menafikan hasrat parti pembangkang itu untuk menawan negeri tersebut pada pilihan raya akan datang.

Tegas beliau, penyertaan besar-besaran ahli Pas itu juga akan memberi lebih keyakinan kepada UMNO Perlis untuk menyapu bersih kesemua 15 kerusi Dewan Undangan Negeri dan tiga Parlimen pada pilihan raya akan datang.

"Pertambahan ahli Pas menyertai UMNO sangat memberangsangkan sejak akhir-akhir ini. Ada cawangan Pas terpaksa ditutup sebab tiada ahli.

"Kita yakin lebih ramai ahli Pas akan menyertai UMNO dan lebih banyak cawangannya akan ditutup menjelang pilihan raya nanti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri di sini hari ini.

Pada pilihan raya 1999, Barisan Nasional (BN) Perlis berjaya menguasai 12 kerusi Dewan Undangan Negeri dan kesemua tiga Parlimen.

Tiga kerusi Dewan Undangan Negeri yang dikuasai Pas ialah Sanglang, Santan dan Guar Sanji.

Shahidan yang juga Menteri Besar Perlis berkata, ahli Pas dan rakyat di kawasan yang dikuasai Pas kecewa dengan perkhidmatan wakil rakyat mereka yang gagal membawa kemajuan.

Kata beliau, Pas kini ketandusan isu untuk berhadapan dengan UMNO selain memburukkan peribadi pemimpin parti memerintah termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Wakil rakyat Pas tidak boleh berbuat apa-apa. Akhirnya rakyat terpaksa bergantung kepada UMNO. Apa yang wakil rakyat ini tahu adalah menyerang peribadi pemimpin kerajaan," katanya.

Beliau menyifatkan hasrat Pas untuk menguasai dua pertiga Dewan Undangan Negeri Perlis pada pilihan raya akan datang sebagai 'mimpi negeri di siang hari'.